

# Kajian perilaku terperinci perlu dilaksanakan

ST 10/07/08 Pg. T19

**KUALA TERENGGANU** – Satu kajian terperinci perlu dilaksanakan sekiranya ada pihak benar-benar ingin melihat perilaku pelajar khususnya di institusi pengajian tinggi (IPT).

Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Datuk Dr Sulaiman Md Yassin berkata, perilaku penuntut tidak harus dinilai dari satu sudut sahaja tetapi perlu melihatnya secara menyeluruh.

"Kita perlu melihat dari pelbagai faktor seperti gender sama ada lelaki atau perempuan dan dalam bidang mana seseorang siswa itu belajar, adakah dalam bidang Sains atau Sastera, kemudian barulah boleh membuat penilaian mengenai sikap mereka," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau tidak menolak kenyataan daripada Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Noraini Ahmad yang mengatakan bahawa budaya 3K iaitu kolej, kuliah dan kantin sering menjadi amalan sebahagian siswa di IPT.

Noraini berkata, rutin berkenaan menjadikan masa serta pergaulan siswa dan dunia luar terhad akibat terikat dengan amalan harian itu sehingga menyebabkan kurangnya pengetahuan komunikasi yang menjadi bekalan utama untuk menempuh alam pekerjaan.

*Kajian  
Terperinci*

*(S) Kita wajibkan  
program Survival*

*Laut untuk pelajar  
tahun pertama dan  
mereka mesti ambil  
satu kredit bagi kursus  
kokurikulum selain  
menggalakkan pelajar  
senior terus aktif dalam  
persatuan dan  
kokurikulum.*

■ Dr Sulaiman Md Yassin

Bagaimanapun, Dr Sulaiman menyifatkan kenyataan itu ada asasnya kerana ia datang dari seorang pemimpin dan yakin ada kajian tertentu yang mungkin telah dilakukan oleh kementerian sebelum ini.

Beliau juga tidak menafikan ada segelintir pelajar UMT yang mengamalkan budaya itu namun hanya kes terpencil sahaja memandangkan pihaknya telah menekankan aktiviti kokurikulum selain pembelajaran akademik sejak awal mereka menyertai



**DR SULAIMAN MD YASSIN**

pembelajaran di kampus itu.

"Kita wajibkan program Survival Laut untuk pelajar tahun pertama dan mereka mesti ambil satu kredit bagi kursus kokurikulum selain menggalakkan pelajar senior terus aktif dalam persatuan dan kokurikulum," katanya.

Selain itu, beliau turut berbangga kerana siswa yang mendapat kelas pertama di UMT meningkat pada tahun ini dan satu majlis penyampaian hadiah akan diadakan pada 13 Julai ini untuk meraikan kira-kira 80 pelajar terbaik itu.